

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Kajian Strategik dan Pembangunan Perakaunan Mampan
Sent: 11 Mei 2015 13:06
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Cc: Dr. Aidi bin Ahmi
Subject: BERITA : Seminar World Class Researcher with Asmaul Husna 2.0



Institut Kajian Strategik dan
Pembangunan Perakaunan Mampan
INSTITUTE FOR STRATEGIC AND SUSTAINABLE ACCOUNTING
DEVELOPMENT ISSUES
Universiti Utara Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Salam Sejahtera

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
The Eminent Management University
=====

70 Penyelidik sertai Seminar Aplikasi Asmaul Husna dalam Penyelidikan

Oleh: Noorulhafidzah Binti Zawawi

Gambar oleh: Mohd Ruzaini b. Hassan



Bersyukur ke hadrat Illahi dengan rahmat dan limpah kurniaNya, Seminar World Class Researcher with Asmaul Husna 2.0 selamat diadakan pada 4 hingga 5 Mei 2015 bertempat di TH Hotel and Conventions Centre, Alor Star. Seminar anjuran bersama Institut Penyelidikan Strategik dan Pembangunan Perakaunan Mampan (ISSAD), Pusat Pengajian Perakaunan, Universiti Utara Malaysia dengan Pertubuhan Kebajikan ANNUR3i telah dihadiri oleh 70 orang peserta dari pelbagai institusi. Peserta yang kebanyakannya merupakan para penyelidik seperti pelajar pasca-siswazah, pensyarah dan doktor perubatan berkumpul sepanjang dua hari tersebut bagi menimba ilmu dan bertukar-tukar ide dan pandangan.

Pada hari pertama, peserta diberi pendedahan oleh fasilitator iaitu Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd, pensyarah dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai hakikat menjadi seorang penyelidik beragama Islam. Penyelidik kemudian dibawa meneroka peranan masing-masing yang diberi Allah potensi yang berbeza-beza dalam membantu ummah, kerajaan serta negara ke arah memartabatkan Islam di mata dunia. Berkonsepkan surah al-'Alaq ayat pertama yang membawa maksud "Bacalah dengan nama TuhanMu yang Menciptakan seluruh alam", penyelidik dibimbing ke arah membantu ummah melalui senjata penyelidikan iaitu dengan meneroka alam ciptaan Allah dengan menyebut-nyebut namaNya iaitu 99 Asmaul Husna kerana setiap makhluk dan kejadian di alam buana menceritakan sifat-sifat Allah yang wajar diteroka dan dikaji.

Pada hari kedua, peserta dibimbing dengan 3 rangkaian metodologi kajian dalam menghasilkan penyelidikan yang boleh memuatkan dalil dari Al-Quran dan hadis serta penghayatan Asmaul Husna dalam kajian. Para peserta dibahagikan kepada 14 kumpulan di mana setiap kumpulan terdiri daripada 3-5 orang membincangkan mengenai topik kajian sedia ada atau baru dengan meneliti ayat-ayat Al-Quran serta Asmaul Husna yang sesuai. Kajian menjadi lebih mudah apabila para peserta didedahkan dengan software 'Digital Quran'. Beberapa kumpulan telah membentangkan hasil perbincangan dan kesemua kertas kerja yang telah dibincangkan di seminar ini akan dilengkapi untuk menjadi kertas kerja konferens untuk dibentangkan di International Conference on the Application of Asmaul Husna in Innovation atau ICAH 2015 yang akan berlangsung pada 1-2 November 2015.

Keunikan seminar yang menggarapkan nilai-nilai murni dalam penyelidikan ini ialah slot Kuliah 3.30 AM di mana para peserta berkumpul solat tahajud serta diperkenalkan maksud setiap Asmaul Husna dan penghayatannya dalam kehidupan seharian. Kemuncak kepada slot ini membawa para penyelidik mengenali Tuhan yang Memiliki ilmu dan mengakui setiap ilmu dan kekuatan datang dariNya jua.

Secara keseluruhannya, para peserta yang ditemubual berpuas hati dengan program dan sudahpun menyatakan komitmen untuk menyelesaikan penyelidikan yang dibentangkan. Para peserta juga berpuas hati kerana dapat meneroka alam penyelidikan yang mengiktiraf ayat-ayat Al-Quran dan hadis untuk dijadikan sandaran dan hujah dalam penyelidikan. Salah seorang peserta yang ditemubual, Siti Nur 'Alimin

berkata, “Seminar ini membuka minda saya mengenai kehebatan Asmaul Husna yang selama ini saya tidak sangka ia dapat diaplikasikan dalam bidang penyelidikan.”

INSTITUTE FOR STRATEGIC AND SUSTAINABLE ACCOUNTING DEVELOPMENT (ISSAD)
SCHOOL OF ACCOUNTANCY (SOA)
COLLEGE OF BUSINESS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 604-928 7352/7353